

11 MAY 1999

CLOB-Pakej

CLOB TAK PERLU DIMASUKKAN DALAM PAKEJ ISU DUA HALA, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Isu berhubung saham Malaysia yang diniagakan di pasaran tidak rasmi, Central Limit Order Book (CLOB) di Singapura, tidak perlu dimasukkan ke dalam pakej isu dua hala kerana ia akan menyulitkan lagi keadaan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata semua pihak perlu memahami bahawa isu itu hanya membabitkan sektor swasta iaitu Bursa Saham Singapura (SES) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), dan bukannya kerajaan.

"Soal apa yang patut dimasukkan ke dalam pakej itu telahpun diberitahu oleh pihak kita kepada pihak Singapura dan saya tidak mahu menyulitkan atau menyusahkan perundingan kita dengan menimbulkan masalah-masalah baru atau membincangkannya secara terbuka di akhbar kerana ia boleh merumitkan perbincangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di pejabatnya ketika ditanya mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong baru-baru ini yang mahukan isu CLOB dimasukkan ke dalam pakej isu dua hala yang sedang dirundingkan oleh kedua-dua negara.

Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk membincangkan pelbagai isu secara pakej seperti isu pemindahan kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia dari stesen kereta api Tanjung Pagar, permintaan Singapura agar diadakan perjanjian baru mengenai air, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan permintaan Malaysia supaya penduduk Semenanjung Malaysia dibenar mengeluarkan simpanan mereka daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura.

"Yang kita bincangkan adalah apa yang telah dipersetujui oleh Perdana Menteri kita dan Perdana Menteri dia," kata Syed Hamid, merujuk kepada pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh Chok Tong pada 17 Dis tahun lepas yang bersetuju mengenai penyelesaian secara pakej itu.

Beliau juga melahirkan rasa kecewa dengan peristiwa pengeboman kedutaan China di Belgrade oleh pesawat NATO beberapa hari lepas yang menyebabkan tiga orang terbunuh dan ramai yang cedera.

"Ia menunjukkan betapa Bangsa-bangsa Bersatu perlu segera mencari penyelesaian politik bagi konflik itu," katanya.

Syed Hamid berkata masyarakat antarabangsa perlu mencari jalan bagaimana menyelesaikan masalah kemanusiaan di Kosovo dan memastikan rejim Belgrade menerima apa yang dicadangkan kepadanya.

-- BERNAMA

MHI MAI